

Kehebatan atlet Politeknik Malaysia diiktiraf

Oleh Sarah Aina
Shawal

sarah.aina@bh.com.my

► Bangi

Dua atlet cemerlang, P Yuvaraj dan Christina Edris, masing-masing dinobatkan Olahragawan serta Olahragawati pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan Politeknik 2013 di sini, baru-baru ini.

Yuvaraj yang juga pelajar Politeknik Seberang Perai berkata, beliau menyertai acara larian 4 x 400 meter sejak di bangku sekolah dan mengambil bahagian dalam temasya Sukan SEA 2013 di Myanmar yang menyaksikannya berjaya menyumbangkan pingat gangsa kepada negara.

“Penganugerahan sebagai Olahragawan cukup bermakna memandangkan ini tahun terakhir saya bersama-sama politeknik dan akan bergraduasi tidak



Yuvaraj dan Christina gembira **meraikan anugerah** yang diterima.

lama lagi,” katanya yang berasal dari Sungai Petani, Kedah.

Sasarkan final

Christina yang berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan pula bergiat aktif dalam sukan mempertahankan diri dan menyasar-

kan untuk mara ke final acara silat melalui penyertaan julung kalinya dalam Sukan Universiti ASEAN di Palembang, tidak lama lagi.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pengajian Tinggi), Kementerian Pendi-

kan, Datuk Nasir Mat Dam, berkata Kementerian sentiasa memberi sokongan dan galakan bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga seluruh warga politeknik untuk menyertai acara sukan pada peringkat daerah, negeri mahupun mewakili negara.